

info

usahawan

issue
1/21

nota minda masmed

penjenamaan
semula

fenomena
zamsaham

elon musk.

VISIONARI
MEREVOLUSI
DUNIA





MINAT & DORONGAN IBU BAPA

Farihana Abdul Razak¹, Anuar Kassim²

¹Jabatan Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak, Kampus Tapah, Malaysia.

²Pegawai Kanan Polis, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perak,
Ipoh, Malaysia.

Malaysia merupakan salah satu negara yang tidak terkecuali menerima kesan berikutan dengan pandemik Covid-19. Perintah Kawalan Pergerakan yang telah diumumkan pada 16 Mac 2020 telah menjejaskan pelbagai sektor termasuklah sektor ekonomi. Selain itu, pekerja diminta bekerja dari rumah (BDR) manakala pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi menerima pembelajaran secara dalam talian (ODR). Tujuan penulisan ini adalah mengetengahkan profil usahawan muda yang berhasrat membuka perniagaannya sendiri bagi memperoleh wang saku sendiri setelah tidak menerima wang belanja sekolah akibat daripada penutupan sekolah dan perlu belajar dari rumah.

Seorang pelajar berusia tujuh tahun diberi nama Muhammad bin Anuar yang mendapat pendidikan di Sekolah Kebangsaan Pendita Za'ba, Tapah Road, Perak telah berkali-kali memujuk ayah dan ibunya untuk berniaga di hadapan rumah bagi menjual aiskrim Malaysia kerana beliau telah hilang punca pendapatan harian iaitu wang belanja sekolah iaitu wang saku. Sejak kerajaan mengumumkan pembelajaran sekolah dijalankan secara dalam talian, anak kecil ini sudah tidak menerima wang saku

seperti biasa.

Pada mulanya, sebagai ibu bapa, permintaan anak tersebut dianggap sebagai suatu gurauan. Namun dari hari ke hari, permintaan untuk menjana pendapatan bagi diri sendiri dan keluarga seperti menjadi satu tekad dan azam bagi anak kecil ini. Akhirnya, setelah seminggu beliau memujuk kedua ibu bapanya, sebuah gerai kecil di hadapan rumahnya dikenali dengan 'JAJAN MUHAMMAD' di Tapah Road, Perak telah direalisasikan. Antara menu yang dicadangkan oleh anak kecil ini adalah aiskrim Malaysia dan juga keropok. Oleh itu, cadangan perniagaan ini pada mulanya dianggap sebagai gurauan namun kerana kesungguhan minat yang ditunjukkan dan dinyatakan melalui cadangan tersebut menyebabkan kedua-dua orang tuanya membantu menjadikan impian Muhammad suatu kenyataan.

Walaupun idea tersebut dicetuskan oleh Muhamamd bin Anuar, tetapi sebagai anak sulung, beliau turut mengajak adiknya, Nur Humaira berusia empat tahun untuk bersama-sama mengusahakan perniagaan tersebut.



Rajah 1: Proses Perkembangan Idea Usahawan Muda 'Jajan Muhammad'
Sumber: Penulis

Merujuk kepada Rajah 1, menurut Anchru P. (2019), minat didefinisikan sebagai keinginan yang tinggi terhadap sesuatu perkara dan berdasarkan profil usahawan muda yang dibincangkan didalam penulisan ini, idea yang tercetus adalah berpunca daripada minat yang terbit didalam personaliti individu tersebut. Hamid (2001) telah memperhalusi bahawa sokongan sosial adalah faktor penting yang mempengaruhi psikologi dan kesejahteraan anak dengan ibu bapa. Oleh itu, sokongan dan dorongan daripada ibu bapa terhadap minat yang dipamerkan oleh anak-anak dapat mempengaruhi kerohanian dan tingkah laku anak tersebut pada masa hadapan.

Setelah 2 minggu Jajan Muhammad diperkenalkan, beberapa menu baharu telah diperkenalkan:

- Peknga Nyoir atau lebih dikenali sebagai lempeng kelapa dengan gulai ayam - RM1 sekeping
- Mee Bakso - RM 4.50 sebungkus
- Mini Donut Manis Abang Muhammad - RM 0.50

Nasi Beriani Ayam - RM 6 sebungkus
Menu yang baharu ini telah dijual di gerai 'Jajan Muhammad' secara penghantaran ke rumah atau pembelian di gerai tersebut. Menu ini tidak dijual setiap hari tetapi berdasarkan permintaan daripada pelanggan. Justeru itu, penjualan menu-menu ini telah membantu meningkatkan keuntungan 'Jajan Muhammad'.

Selepas 45 hari, keuntungan daripada hasil keusahawan seorang pelajar tahun satu ini mencecah RM609.

Pada 7.1.2021, sebanyak RM 212 daripada hasil perniagaan usahawan muda ini telah digunakan oleh beliau bagi membeli peralatan sekolah.

Minat daripada seorang anak kecil bukanlah sesuatu yang sia-sia sekiranya ibu bapa memahami dan memperhalusi keinginan tersebut serta mendorong kepada merealisasikan impian anak itu.

Kesimpulannya, ibu bapa secara tidak langsung telah belajar tentang keusahawanan daripada anak kecil iaitu usahawan muda berdasarkan tindak tanduknya. Percaya atau tidak, anak adalah anugerah terindah yang memiliki minat berlainan antara satu sama lain. Ibu bapa adalah insan terbaik bagi mendorong minat tersebut.

Rujukan

Anchru P., A. (2019). Pengembangan Minat Belajar Dalam Pembelajaran. *Idaarah: Jurnal Manajemen Pendidikan*, 3(2), 205. <https://doi.org/10.24252/idaarah.v3i2.10012>

Hamid, T. A. (2001). Sokongan Sosial, Kualiti Hubungan dan Kesejahteraan Psikologi antara Anak Dewasa dengan Ibu Bapa. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum*, 9(1), 61-69. Retrieved from [http://www.pertanika.upm.edu.my/Pertanika PAPERS/JSSH Vol. 9 \(1\) Mar. 2001/06 JSSH Vol.09 \(1\) 2001 \(Pg 61-69\).pdf](http://www.pertanika.upm.edu.my/Pertanika%20PAPERS/JSSH%20Vol.%209%20(1)%20Mar.%202001/JSSH%20Vol.09%20(1)%202001%20(Pg%2061-69).pdf)